

## MAKLUMAN UMUM

### ANUGERAH KECEMERLANGAN KOPERASI SEKOLAH (AKKS) 2020

#### **LATAR BELAKANG**

Koperasi sekolah yang pertama telah ditubuhkan sejak 1968, ini bermakna sudah 51 tahun koperasi sekolah beroperasi menjalankan aktiviti masing-masing. Namun asasnya sama untuk menerapkan semangat dan nilai-nilai berkoperasi dalam kalangan generasi muda.

Murid-murid hari ini, akan mewarisi dunia berkoperasi dengan penuh cabaran yang hebat dengan nilai-nilai sejagat seperti integriti, belas kasihan, adil dan altruisme yang dapat membimbing pelajar dalam membuat keputusan.

Justeru, untuk memenuhi keperluan ini AKKS merupakan satu usaha yang tepat bagi meneruskan kesedaran gerakan koperasi sekolah di Malaysia. Sejak diperkenalkan pada tahun 2006, nama dahulunya HKS dan telah ditukar ke AKKS pada tahun 2017 mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan koperasi sekolah.

Ini bermakna komitmen semasa program AKKS berjaya ditunjukkan oleh koperasi sekolah yang boleh mengimbangi antara aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan kokurikulum yang baik tanpa menjejaskan pembelajaran murid.

#### **OBJEKTIF**

- Memberi pengiktirafan kepada koperasi sekolah yang terbaik bagi peringkat negeri dan kebangsaan mengikut garis panduan AKKS 2020.
- Memberitahu warga sekolah dan masyarakat setempat akan kewujudan koperasi sekolah dan peranan yang dimainkan untuk mendidik murid - murid supaya mempunyai jatidiri yang murni selaras dengan prinsip, nilai dan amalan koperasi
- Menjelaskan kepada semua masyarakat bahawa koperasi sebagai satu medium perpaduan di kalangan masyarakat untuk bersama-sama membangunkan ekonomi melalui aktiviti perniagaan atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada semua peringkat di persekitaran sekolah
- Memberi peluang kepada koperasi sekolah untuk menceburi pelbagai bidang keusahawanan seperti peruncitan sebagai satu langkah untuk meningkatkan pendapatan koperasi
- Merupakan kaedah terbaik untuk menyemai budaya koperasi dan keusahawanan di kalangan murid. Mereka perlu diberi pendedahan berdasarkan bimbingan daripada pihak yang bertanggungjawab kerana mereka bakal menjadi pewaris kepimpinan koperasi dan juga bakal usahawan negara pada masa hadapan.